



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**PERMATA AYAH BONDA**

**Tarikh Dibaca:**

**12 RABIULAKHIR 1445H /  
27 OKTOBER 2023**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## PERMATA AYAH BONDA

27 OKTOBER 2023 / 12 RABIULAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ يَهَبُ لِمَن يَشَاءُ إِنثًا وَيَهَبُ لِمَن يَشَاءُ الذُّكُورَ،

أَوْ يُزَوِّجُهُمْ ذُكْرَانًا وَإِنثًا وَيَجْعَلُ مَن يَشَاءُ عَقِيمًا إِنَّهُ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ۝ (سورة الشورى)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti bermain telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat *hidayah* dan *taufiq* dari Allah SWT.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Permata Ayah Bonda**”.

Khatib menyeru agar kita semua teruskan berdoa dan bersolidariti buat Palestin. Peperangan Israel - Palestin yang tercetus pada 7 Oktober lalu sudah masuk minggu ketiga dan mengorbankan lebih 7 ribu rakyat Palestin di Gaza. Khatib menyeru semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama agar membuka mata dan tidak menganggap isu penindasan yang membelenggu Palestin sejak sekian lama adalah berkaitan agama semata-mata. Sebaliknya, isu yang menimpa negara di Asia Barat itu lebih cenderung kepada soal ketidakadilan dan krisis kemanusiaan. Sehubungan itu, tanggungjawab menjaga keamanan dan memastikan keadilan ditegakkan wajar dipikul semua pihak, merentasi segenap kepercayaan agama. Khatib juga menyeru seluruh kaum muslimin dan muslimat untuk terus mendoakan kesejahteraan, keselamatan dan kemenangan buat rakyat Palestin yang dicengkam kekejaman rejim Zionis Israel lebih-lebih lagi pada Hari Jumaat yang penuh berkat dan mustajab doa ini. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kita melainkan Allah jualah yang Maha Agung tempat kita memohon pertolongan.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Anak merupakan anugerah Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang Dia kehendaki. Sama ada anak lelaki atau perempuan, atau seseorang itu tidak dikurniakan anak, semuanya merupakan aturan Allah SWT Yang Maha Bijaksana. Firman Allah SWT dalam Surah al-Syuura ayat 49 dan 50 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

*“Bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi; Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya; Dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Atau Dia mengurniakan mereka kedua-duanya - anak-anak lelaki dan perempuan, dan Dia juga menjadikan sesiapa yang dikehendaki-Nya: mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa”.*

Berdasarkan ayat al-Quran ini, kita dapat melihat beberapa keindahan aturan Allah SWT:

1. Sebahagian manusia dikurniakan anak perempuan sahaja.
2. Sebahagian manusia yang lain dikurniakan anak lelaki sahaja.
3. Ada juga sebahagian manusia yang dikurniakan anak lelaki dan perempuan.
4. Manakala ada juga sebahagian manusia lain yang tidak dikurniakan dengan anak.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Isu penderaan kanak-kanak bukanlah suatu isu baharu. Cuma, sejak kebelakangan ini, isu penderaan kanak-kanak dilihat semakin serius dan sangat membimbangkan. Statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat mencatatkan bahawa pada tahun 2022, sebanyak 6770 kes penderaan kanak-kanak yang dicatatkan manakala pada tahun 2023, sehingga Mei 2023 sahaja, sebanyak 2959 kes penderaan kanak-kanak telah direkodkan.

Sangat menyedihkan apabila mendengar berita penderaan kanak-kanak masih berlaku pada zaman ini. Mereka tergamak mencederakan anak-anak kecil itu lantaran api kemarahan yang memuncak. Terkadang, anak-anak kecil ini didera bukan sebab kerana kesalahan yang mereka lakukan, tetapi kemarahan ibu bapa atau penjaga terhadap orang lain yang dilepaskan terhadap mereka. Lebih menyedihkan, ada juga kes penderaan yang berakhir dengan kematian kanak-kanak tersebut.

Kita marah dan mengecam rejim zionis Israel yang ketika ini gila menyerang, membedil dan membunuh anak-anak di Gaza. Justeru, apa bezanya dengan pelaku-pelaku yang tergamak mendera kanak-kanak di negara ini?

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ketahuiilah bahawa anak-anak merupakan ujian buat para ibu bapa. Firman Allah SWT:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ٢٨

**Maksudnya:** “Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar”. **(Surah Al-Anfal ayat 28)**

Anak juga merupakan *fitnah* atau ujian bagi setiap ibu bapa yang dapat membawa kegembiraan dan kebahagiaan dunia dan akhirat apabila mereka mendidiknya dengan benar pada jalan Allah SWT, atau akan membawa mereka kepada kesengsaraan dunia dan akhirat apabila ibu bapa itu salah cara mendidik anak-anaknya. Mereka ibarat permata yang perlu dijaga dan dipelihara dengan sangat cermat dan tidak boleh dibiarkan rosak yang akhirnya akan menurunkan nilai dan kualitinya.

Mereka buah hati penyejuk mata kepada para ibu bapa. Sejak lahir mereka dibelai dan disayang. Mengapa kasih sayang itu semakin berkurang apabila mereka semakin dewasa?

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Setiap anak yang dilahirkan itu bersih suci dari noda. Ibu bapalah yang dipertanggungjawabkan untuk mencorak dan membentuk keperibadian anak-anak mereka. Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يَهُودَانِهِ أَوْ نَصْرَانِيَّةٍ أَوْ مَجْسَانِيَّةٍ

**Maksudnya:** “Tidaklah setiap anak kecuali dilahirkan atas fitrah, maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya menjadi Yahudi, Nasrani, atau Majusi”. (**Muttafaqun ‘alaihi**)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sungguh, ujian kita dalam membesarkan anak pada waktu ini sangat mencabar. Dengan media sosialnya, hiburan yang semakin banyak, ideologi-ideologi karut yang semakin banyak dan bermacam lagi cabaran dunia hari ini. Kita juga diuji dengan beban kesibukan kerja yang semakin bertambah. Ambillah kesempatan untuk merenung sejenak, berapa lama masa kita habis dengan urusan kerja berbanding masa kita bersama anak-anak? Berapa lama masa kita dengan telefon melayari media sosial berbanding masa kita melayan anak-anak kita? Cuba tatap wajah anak-anak kita yang indah itu. Dalam butir matanya tersirat pengharapan, dambaan kasih sayang dan perhatian yang sangat tinggi kepada ibu bapanya untuk membelai mereka sebaik-baiknya. Sesungguhnya anak-anak itu tiadalah galang gantinya. Hargailah keberadaan mereka dengan curahan kasih sayang, didikan agama dan adab, serta kecukupan yang sepatutnya.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat rumusan seperti berikut:

**Pertama:** Allah SWT Maha Bijaksana mengatur kehidupan hamba-hamba-Nya dengan kurniaan yang tertentu sesuai dengan kemampuan hamba-Nya.

**Kedua:** Isu penderaan kanak-kanak di negara ini dilihat semakin serius dan membimbangkan dengan peningkatan kes dari tahun ke tahun.

**Ketiga:** Anak-anak merupakan ujian buat ibu bapa yang akhirnya nanti kemenjadian mereka itu bergantung kepada hasil dari didikan ibu bapa sejak dari awal.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Tur ayat 21:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ ۗ  
كُلُّ أُمَّرٍ بِمَا كَسَبَ رَهِيْنٌ ۝۱

**Maksudnya:** “Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya”.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَايَاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا  
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو  
عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَندَرِيَهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ  
الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ  
 بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرَّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،  
 اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عِدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ  
 عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يَرُدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،  
 تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِنْ سِجِّيلٍ، فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.  
 اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya hanya kepada Engkau kami merayu memohon pertolongan. Ampunilah dosa seluruh kaum Muslimin. Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin yang ditindas di Palestin dan di mana-mana sahaja mereka berada. Ya Allah! Kasihanilah mereka yang selama ini menjadi mangsa kekejaman Zionis Israel. Keluarkan mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengarlah doa dan suara kami ini. Sesungguhnya kami tidak sanggup lagi melihat saudara-saudara kami dibunuh dan diperlakukan dengan kejam oleh Zionis Israel. Hapuskanlah segala kezaliman yang ada di muka bumi ini. Kurniakanlah kekuatan dan kemenangan kepada saudara-saudara kami kaum Muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kembalikanlah Bumi Palestin ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ  
 جَمْعَهُمْ وَشَتَّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزَلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا  
 جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،  
 إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! إِهْزِمْهُمْ! وَانصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.